

# **Lawatan Sambil Belajar dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Kuching**

Oleh: Fatin Amira binti Rahmad

04 Febuari 2020 - Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS) telah menerima kunjungan daripada 30 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Kuching, Sarawak bertempat di Santubong, Kuching hari ini. Kunjungan ini diiringi 5 pegawai pengiring dari Politeknik Kuching.

Bagi memenuhi objektif lawatan sambil belajar ini, CENTEXS telah menyediakan beberapa aktiviti untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai CENTEXS. Antara aktiviti tersebut ialah taklimat keselamatan oleh En Bonny Joseph, taklimat latihan teknikal CENTEXS oleh En Dickson Settie, taklimat kursus elektrik CENTEXS oleh En Mansor bin Bujang, taklimat kerjaya CENTEXS oleh En Hafeazal Suhaili dan lawatan ke bengkel-bengkel CENTEXS.

CENTEXS amat berbesar hati menerima kunjungan dan lawatan sambil belajar daripada pelajar-pelajar ini dan mengharapkan agar lebih banyak lawatan dari institusi pengajian tinggi awam atau swasta pada masa akan datang yang ingin mengadakan lawatan sebegini bagi memberi pendedahan mengenai CENTEXS dan program latihan teknikal, digital dan warisan yang di tawarkan di CENTEXS.

CENTEXS menawarkan lima (5) teras utama kemahiran teknikal iaitu Oil and Gas, Electrical and Port, Construction, Textile and Hospitality, dan Digital kepada golongan belia di Sarawak.

